

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA: 5(B)(VIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

6. Terangkan kapasiti yang boleh ditangani oleh setiap hospital di Pulau Pinang bagi menangani pesakit jangkitan COVID-19.
 - (a) Sejauhmanakah bilangan alat bantuan penafasan mencukupi untuk pesakit jangkitan COVID-19?
 - (b) Jangkaan sampai bila Pulau Pinang boleh mencapai *flattening the curve* dalam menangani wabak COVID-19.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Bagi Negeri Pulau Pinang, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengenal pasti dan mengkhaskan Hospital Pulau Pinang (HPP) sebagai Hospital COVID-19 *Hybrid* dengan kapasiti sebanyak 144 buah katil. Wad-wad yang telah digunakan untuk menempatkan kes positif COVID-19 di HPP adalah Wad C17, 18, 19 dan 20 dan Wad 5. Blok Asrama Pergigian HPP juga telah dikenal pasti dapat menampung 288 buah katil untuk pesakit berisiko rendah. Sekiranya keperluan katil meningkat, Wad dan Asrama Jururawat di Hospital Kepala Batas juga akan dijadikan sebagai wad untuk menempatkan kes positif COVID-19 dengan penambahan sebanyak 67 buah katil lagi. Jumlah katil ICU yang dikhaskan untuk pesakit COVID-19 adalah sebanyak 26 buah katil dengan keupayaan tambahan sebanyak 26 buah katil sekiranya diperlukan. Jumlah katil keseluruhan dikenal pasti adalah sebanyak 551 buah. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri dengan kerjasama agensi luar dan swasta sedang mengenalpasti katil-katil lain yang berpotensi sebagai persediaan.

Hospital Seberang Jaya, Hospital Kepala Batas dan Hospital Bukit Mertajam pula dikhaskan sebagai hospital saringan COVID-19 bagi Negeri Pulau Pinang dan menempatkan pesakit-pesakit bukan COVID yang memerlukan rawatan pesakit dalam yang perlu dimasukkan ke dalam wad.

- (a) Bilangan alat bantuan pernafasan bagi pesakit COVID-19 masih mencukupi, namun keperluan dijangka akan meningkat. Pihak hospital swasta telah meminjamkan sebanyak tujuh (7) unit ventilator kepada HPP dan permohonan penambahan ventilator dan katil ICU telah dibuat kepada pihak KKM.
- (b) Jangkaan bila untuk mencapai *flattening curve* bagi menangani wabak COVID-19 bagi Negeri Pulau Pinang masih belum diketahui. Jabatan Kesihatan Negeri menjangkakan bahawa ia berkemungkinan selari dengan trend kebangsaan.